

07/06/2001

Ramai calon lebih layak: Awang Adek

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Rabu Bekas Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Dr Awang Adek Hussin menjelaskan, beliau meletak jawatan sebagai Penolong Gabenor untuk memberi tumpuan kepada politik selepas memenangi kerusi Timbalan Ketua Umno Bachok, April lalu.

Beliau berkata, keputusannya itu tidak ada kena mengena dengan spekulasi kononnya beliau adalah salah seorang yang disebut-sebut bakal dilantik sebagai Menteri Kewangan berikutan pengunduran Tun Daim Zainuddin, Jumaat lalu.

"Banyak orang yang lebih layak (untuk dilantik sebagai Menteri Kewangan). Siapalah saya untuk mengisi jawatan itu," katanya ketika dihubungi hari ini.

Dr Awang Adek, 46, yang mempunyai pengalaman 16 tahun di Bank Pusat itu, bercuti sebulan dan berbincang dengan rakan-rakan, termasuk pegawai BNM, sebelum meletak jawatan, berkuat kuasa Sabtu lalu.

Perdana Menteri kini memangku jawatan Menteri Kewangan dan Menteri Tugas-Tugas Khas, berkuat kuasa semalam sehingga menteri baru dilantik bagi mengisi kedua-dua jawatan itu.

Dr Awang Adek bertanding jawatan Timbalan Ketua Umno bahagian selepas parti itu, pada perhimpunan khas November lalu, meluluskan pindaan fasal 6.3.4 perlembagaan bagi membolehkan pegawai kumpulan A bertanding dan jika dipilih, boleh memegang jawatan dalam parti.

Sementara itu, sumber berkata, pelantikan Dr Awang Adek sebagai Menteri Kewangan Kedua bukan sesuatu yang mustahil kerana Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamed, pernah menyandang jawatan itu, sebelum tewas dalam pilihan raya umum 1999.

Mustapa mengisi jawatan itu mulai September 1998 ketika jawatan Menteri Kewangan dipangku Dr Mahathir selepas Datuk Seri Anwar Ibrahim, dipecat daripada jawatan kerajaan dan Umno pada 1998.

(END)